

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan di kawasan Parlimen Padang Serai terdapat sebuah klinik desa di Karangan. Klinik ini tidak dapat memuatkan pesakit yang datang untuk rawatan. Hal ini kerana populasi penduduk di kawasan tersebut semakin meningkat. Tempat rawatan dan tempat letak kenderaan tidak mampu menampung peningkatan ini. Apa langkah Kementerian dalam menyelesaikan perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan mengambil maklum mengenai kesesakan dan kekangan ruang yang dihadapi di Klinik Kesihatan Karangan. Klinik ini beroperasi sejak tahun 1965 dengan jumlah anggaran kedatangan 200 pesakit sehari.

2. Sebagai langkah jangka masa panjang, Kementerian Kesihatan akan mengkaji kesesuaian tapak untuk membina sebuah Klinik Kesihatan baharu yang boleh menyediakan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif. Pada masa ini penduduk di Karangan juga mendapat perkhidmatan kesihatan yang disediakan di empat (4) buah Klinik Desa yang berhampiran dengan klinik ini iaitu:

- (a) Klinik Desa Sungai Kob;
- (b) Klinik Desa Sedim;
- (c) Klinik Desa Bikan; dan
- (d) Klinik Desa Batu Putih.

Catatan: Jarak dari Klinik Kesihatan Karangan ke Hospital Kulim (Hospital Rujukan) ialah 15 km.

3. Selain itu, pada masa ini, Klinik Kesihatan Jenis 2 Padang Serai yang juga terletak di Kawasan Parlimen Padang Serai sedang dalam pembinaan dengan jarak 22 km dari Klinik Kesihatan Karangan yang mana Klinik Kesihatan ini dibina untuk menggantikan Klinik Kesihatan Padang Serai sedia ada.

4. Selain itu, bagi mengatasi masalah tempat letak kereta, pihak Kementerian Kesihatan juga telah mengenal pasti tanah kosong di dalam Klinik Kesihatan Karangan untuk dijadikan kawasan parkir kereta.

Sekian, terima kasih.